

720,099 Pati daftar program RTK dalam tujuh bulan

Putrajaya: Dalam tempoh tujuh bulan sahaja, seramai 720,099 pendatang asing tanpa izin (Pati) yang berada di negara ini sudah mendaftar dalam Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 membabitkan 51,753 majikan.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh berkata, RTK mula dilaksanakan pada 28 Disember 2020 lalu sebagai program khas meregulasikan Pati di negara ini untuk pekerja warga asing yang sah dan digajikan majikan yang layak mengikut syarat ketat diputuskan kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Menurutnya, RTK 2.0 dilaksanakan pada 27 Januari

lalu sehingga 31 Disember ini.

“Status permohonan bermula 27 Januari hingga 14 Julai lalu membabitkan permohonan sebanyak 370,668 terdiri 51,753 majikan dan 720,099 Pati.

“Pecahan permohonan mengikut sektor paling banyak permohonan adalah dari sektor pembinaan iaitu 362,775; perkhidmatan (204,647), perkilangan (54,224), pertanian (54,163), perladangan (40,228), pembantu rumah (3,825) dan perlombongan serta pengkuarian (237),” katanya.

Ruslin berkata, majikan yang tidak mengambil kesempatan

menyertai program itu dan didapati menggajikan pekerja yang tidak memiliki dokumen, tangkapan akan dibuat dan tindakan perundangan boleh diambil terhadap majikan selaras Akta Imigresen 1959/63 (Akta

155) dan Peraturan-peraturan dan Akta Pasport 1966 (Akta 150).

“Majikan boleh dikenakan Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 kerana mengambil pekerja Pati secara tidak sah yang boleh didenda RM10,000 tetapi ti-

dak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang pekerja yang diambil.

“Pada masa yang mengambil pekerja lebih daripada lima orang dikenakan penjara tidak kurang enam bulan, tetapi tidak lebih lima tahun dan boleh dikenakan tidak lebih enam sebatan,” katanya.

Beliau berkata, siasatan juga boleh dijalankan mengikut Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63 iaitu membenarkan Pati berada di dalam premis.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM5,000 tetapi tidak lebih RM30,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau ke-

dua-duanya sekali bagi setiap Pati.

“Bagi kesalahan kedua, denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM60,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Menurutnya, majikan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 56 (1) (d) Akta Imigresen 1959/63 iaitu melindungi Pati di mana jika disabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000.

“Sekiranya lebih lima pekerja boleh dikenakan penjara tidak kurang enam bulan tetapi tidak lebih lima tahun dan boleh dikenakan tidak lebih enam sebatan,” katanya.

